



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI
AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI
JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI PERAK TAHUN 2021**

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022; LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak pula telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022; dan LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perak Tahun 2021 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan

KDYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Perak pada 21 Disember 2022.

3. **LKAN Tahun 2020 Siri 1** mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak meliputi aktiviti di satu agensi dan satu syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:

3.1. Pengurusan Aktiviti Jualan dan Sewaan Hartanah [Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)]

Secara keseluruhannya, pengauditan terhadap Pengurusan Aktiviti Jualan dan Sewaan Hartanah di PKNPk mendapati pengurusan aktiviti penjualan dan sewaan harta tanah adalah kurang cekap dan kurang berkesan. Pencapaian output dari aspek pendapatan jualan harta tanah, penjualan unit bangunan, sewaan tanah dan sewaan bangunan kurang memuaskan kerana sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai sepenuhnya. Faktor utama sasaran ini tidak dapat dicapai ialah PKNPk tidak berjaya untuk melaksanakan kesemua aktiviti pembangunan harta tanah seperti yang disasarkan dalam Pelan Strategik. Keberhasilan aktiviti secara keseluruhannya tidak dapat mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan sepenuhnya namun aktiviti penyewaan harta tanah dilihat dapat memberi peluang kepada peniaga kecil menjalankan perniagaan. Berlaku kelemahan dalam pengurusan aktiviti dari aspek perjanjian jual beli dan sewaan, tunggakan jualan dan sewaan, serta harta tanah belum dijual dan belum disewakan. Selain itu, tiga lot tanah seluas 109.33 ekar bernilai RM17.96 juta telah dijual oleh PKNPk sebelum hak milik tanah tersebut didaftarkan atas namanya.

3.2. Perak Investment Management Centre (PIMC) [Kerajaan Negeri Perak]

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan PIMC masih belum tercapai sepenuhnya. Tadbir urus korporat PIMC yang kurang memuaskan turut menyumbang kepada ketidakcekapan dalam aktiviti pengurusan penggalakan pelaburan. Sebanyak tujuh daripada lapan aspek tadbir urus korporat yang diaudit tidak diamalkan sepenuhnya. Kedudukan kewangan PIMC pula stabil namun masih mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM47,625 bagi tahun kewangan 2020. Selain itu, Penyata Kewangan Tahun 2019 tidak dilaporkan dengan tepat walaupun telah diberikan Sijil Tanpa Teguran oleh Firma Audit yang menjalankan pengauditan.

4. **LKAN Tahun 2021 Siri 1** mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak meliputi dua aktiviti di satu jabatan dan 6 agensi serta satu syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:

**4.1. Pengurusan Sekolah Menengah Tahfiz Negeri Perak
[Jabatan Agama Islam Negeri Perak]**

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada skop pengauditan, dapat dirumuskan pengurusan Sekolah Menengah Tahfiz (SMT) Negeri Perak adalah kurang cekap dan kurang berkesan. Pencapaian output dari aspek penubuhan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), pemakaian kurikulum yang diwajibkan dan pendaftaran Maahad Tahfiz Swasta (MTS) tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan secara keseluruhannya adalah baik kerana peratusan huffaz Al-Quran di SMT Negeri Perak yang memperoleh keputusan 5A hingga 12A dalam SPM serta berjaya melanjutkan pelajaran adalah antara 69.6% hingga 99.1%. Bagaimanapun, sasaran melahirkan 100 huffaz Al-Quran setiap tahun daripada empat SMTDR sedia ada masih tidak dapat dicapai. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan SMT Negeri Perak dari aspek enrolmen pelajar; pengurusan guru; pengurusan bangunan, infrastruktur dan fasiliti SMT; Tabung Kebajikan Sekolah (TKS); dan bantuan modal koperasi.

**4.2. Pengurusan Projek Penswastaan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak
[Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Daerah Kampar, Majlis Daerah Perak Tengah dan Majlis Daerah Tanjong Malim]**

Pengauditan terhadap Pengurusan Projek Penswastaan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak mendapati pengurusan projek penswastaan PBT tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Hanya dua daripada 12 komponen projek *Joint Venture* (JV) telah disiapkan mengikut jadual asal manakala selebihnya didapati lewat/masih dalam pembinaan/belum mula atau telah ditamatkan. Kelewatan projek siap adalah disebabkan ketidakupayaan kewangan syarikat, faktor ekonomi dan pandemik Covid-19. Hal ini telah menjelaskan pencapaian keberhasilan projek. Bagi projek kaedah pajakan harta/kontrak pengurusan, PBT telah menerima hasil sewajarnya manakala dari segi balasan/pulangan projek JV pula, PBT telah menerima pembahagian keuntungan yang memuaskan berdasarkan *Gross Development Value* (GDV)

projek. Bagaimanapun, ketidakcekapan pengurusan projek dalam urusan hak milik tanah dan kelemahan pentadbiran kontrak telah menjelaskan keberkesanan projek secara keseluruhan.

4.3. Milinea Aqua Services Sdn. Bhd. (MASSB) [Lembaga Air Perak]

Secara keseluruhannya, pengauditan pengurusan syarikat MASSB mendapati telah berjaya mencapai objektif penubuhan syarikat kerana menyumbang ke arah penurunan kadar *Non Revenue Water* (NRW) Negeri Perak. Bagaimanapun, aktiviti mengawal dan mengurangkan kadar NRW yang ditetapkan dalam kontrak masih belum tercapai sepenuhnya. Aktiviti pembinaan dan pemantauan *District Metered Area* (DMA) masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan bagi tahun 2019 hingga 2021, kedudukan kewangan MASSB adalah kukuh. Bagi aspek tadbir urus korporat MASSB, secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana lapan daripada sembilan aspek tidak diamalkan sepenuhnya.

5. **LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perak Tahun 2021** antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

5.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, satu perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

- a. Kelemahan penguatkuasaan kutipan hasil jualan air bagi penggunaan air laut ke atas syarikat yang berkaitan berdasarkan kadar yang ditetapkan. Ini menyebabkan berlaku kurangan kutipan hasil Kerajaan negeri. Kerajaan negeri perlu mengambil langkah dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan kutipan mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan.

5.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2021 adalah kukuh. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 bagi Negeri Perak telah meningkat sebanyak RM72.17 juta atau 5.7% menjadi RM1.332 bilion berbanding RM1.260 bilion pada tahun 2020.
 - b. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM14.93 juta atau 1.5% menjadi RM998.46 juta berbanding RM983.53 juta pada tahun 2020. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus menurun sebanyak RM56.49 juta atau 5.3% iaitu daripada RM1.062 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.005 bilion pada tahun 2021.
 - c. Baki Akaun Hasil Disatukan menurun sebanyak RM6.59 juta atau 2.9% menjadi RM532.99 juta berbanding RM539.58 juta pada tahun 2020. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 mencatat defisit berjumlah RM6.59 juta berbanding defisit RM78.01 juta pada tahun 2020.
6. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan lapan syor audit dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak; 10 syor audit dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak; dan empat syor dalam LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan negeri dan Agensi Negeri Perak Tahun 2021.
 7. Laporan ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> selepas pembentangan di Dewan Undangan Negeri Perak pada 21 Disember 2022 mulai jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

21 Disember 2022
26 Jamadil Awal 1444H